

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 4 (21)

25 April 2025
26 Syawal 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 19/2025

PENGISYTIHARAN HARI CUTI PERISTIWA SEMPENA PENCAPAIAN CEMERLANG PASUKAN JOHOR DARUL TA'ZIM (JDT)

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Johor telah mengisytiharkan tarikh **28 April 2025 (Isnin)** sebagai Hari Cuti Peristiwa bagi seluruh rakyat Johor sebagai tanda sokongan padu dan penghargaan terhadap pencapaian cemerlang pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) kerana berjaya mara ke perlawanan akhir Piala Malaysia 2024-2025 yang berlangsung pada hari Sabtu, 26 April 2025.

2. Selaras dengan Seksyen 9(1), Akta Hari Kelepasan Am 1951 [Akta 369], maka Universiti turut menyahut arahan Kerajaan Negeri Johor dan Cuti Peristiwa tersebut diberikan kepada seluruh warga UTM Kampus Johor Bahru dan UTM Kampus Pagoh pada tarikh tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, semua urusan atau program-program lain yang telah dirancang lebih awal terutamanya yang melibatkan pihak luar perlu diteruskan seperti biasa. Semua staf yang terlibat dengan program rasmi yang telah dirancang dikehendaki bertugas dan layak mendapat cuti gantian tertakluk kepada peraturan yang berkuatkuasa.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM (Cawangan Kuala Lumpur)
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah